



جدوال قمبرچاين خطبه جمعة سيري 6/ 2022  
(Bulan Jun Tahun 2022)

Tarikh	Tajuk	Bil
3.6.2022M/ 4 Zulkaedah 1443H	CINTA, KASIH DAN SAYANG	1.
10.6.2022M/ 11 Zulkaedah 1443H	MENCARI BAHAGIA YANG HAKIKI	2.
17.6.2022M/ 17 Zulkaedah 1443H	NILAI KEMANUSIAAN DAN RAHMATAN LILALAMIN	3.
24.6.2022M/ 24 Zulkaedah 1443H	HAYATI KEIMANAN KEPADA RASULULLAH ﷺ	4.
	Khutbah Kedua	

فرچيتقن دبيبايي :



زكاة قولو فينغ تليفون : 04-5498088



*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang*

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## HAYATI KEIMANAN KEPADA

RASULULLAH صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(24 Jun 2022M /24 Zulkaedah 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَتَمَّ النُّعْمَةَ عَلَيْنَا،  
وَبَعَثَ فِيْنَا رَسُولًا مِنَّا ، يَتْلُو عَلَيْنَا آيَاتِهِ وَيُزَكِّيْنَا.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
شَهَادَةً تَكُونُ لِمَنْ اعْتَصَمَ بِهَا خَيْرَ عِصْمَةٍ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ لِلْعَالَمِينَ رَحْمَةً،  
صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تَكُونُ لَنَا طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ: فَاتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ التَّقْوَى،  
وَرَاقِبُوهُ فِي السِّرِّ وَالنَّجْوَى.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan sidang Jumaat, marilah sama-sama kita bertaqwa dengan sebenar-benar taqwa. Kita laksanakan segala apa yang diperintahkan oleh Allah dan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Kita jauhkan diri dari segala apa yang ditegah Tuhan dan Rasul-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi orang yang bertaqwa dan beriman. Salah satu tanda orang yang beriman ialah ia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.



Sebelum selanjutnya bicara, marilah kita berikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Sedarlah bahawasanya perbuatan berbual-bual, bermain telefon bimbit atau tidur dengan sengaja adalah perbuatan sia-sia yang boleh menjejaskan kesempurnaan meraih ganjaran pahala. Tajuk khutbah pada hari ini ialah “ **Hayati Keimanan Kepada Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**.”

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 45-47:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا  
مُنِيرًا ﴿٤٦﴾ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ اللَّهِ فَضْلًا كَبِيرًا ﴿٤٧﴾

Maksudnya: “ Wahai Nabi, sesungguhnya kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu) dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang engkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberinya dan sebagai lampu yang menerangi dan (dengan itu) sampaikanlah berita yang gembira kepada orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya mereka akan beroleh limpah kurnia yang besar dari Allah.”

Kita bertuah kerana dipilih oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** menjadi umat Nabi Muhammad **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**. Baginda Nabi diutuskan untuk menjadi saksi pada hari akhirat kelak atas keimanan dan kepatuhan kita kepada ajaran Islam. Keimanan kepada berita gembira yang disampaikan oleh Rasulullah menjadikan kita umat yang sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan amal soleh. Antara berita gembira yang disampaikan oleh Baginda **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** ialah sebuah hadis daripada Buraidah al-Aslami:

**بَشِّرِ الْمَشَائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ**

Maksudnya: “Khabarkanlah berita gembira kepada orang-orang yang berjalan pada waktu malam yang gelap menuju ke masjid-masjid dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat.”

﴿Hadis Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi﴾

Begitu juga keimanan kepada amaran menggerunkan yang disampaikan oleh Rasulullah ﷺ bagi melahirkan umat yang sentiasa berwaspada untuk menjauhi larangan Allah ﷻ. Antara contoh amaran yang disampaikan oleh Baginda Nabi ialah peringatan Baginda terhadap orang-orang yang tidak menyempurnakan wudhu’. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru:

وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “Balasan neraka bagi orang yang tidak menyempurnakan basuhan di tumit (ketika berwudhu’).” ﴿Hadis riwayat al-Bukhari﴾

Di dalam hadis ini, Rasulullah ﷺ melarang kita meremehkan basuhan ketika berwudhu’ kerana kesempurnaan wudhu’ menentukan kesempurnaan solat.

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Keimanan kepada Rasulullah menjadikan kita sentiasa menyahut setiap seruan Rasulullah ﷺ. Kepatuhan dan ketaatan kepada Rasulullah menjadikan kita manusia yang sentiasa diberi petunjuk oleh Allah ﷻ. Betapa banyak hadis yang ditinggalkan oleh Rasulullah yang masih belum kita pelajari dan beramal dengannya. Setiap perjalanan sirah Rasulullah ketika menyampaikan ajaran Islam mempunyai iktibar dan pengajaran yang perlu kita jadikan panduan dalam kehidupan kita.

Sesungguhnya umat Islam amat memerlukan bimbingan dan pedoman dalam mengharungi kehidupan yang kian mencabar. Tidak ada panduan yang sempurna melainkan panduan al-Quran dan hadis Rasulullah. Sepertimana hadis

yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

**تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ، وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ**

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Nabi-Nya.” ﴿Hadis Riwayat Imam Malik﴾

### **MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ juga berpesan kepada mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, akan kepentingan untuk menjaga tutur kata yang baik. Sekiranya tidak ada perkara baik yang hendak diperkatakan, maka hendaklah ia berdiam diri sahaja. Ucapan buruk dan menyakiti hati orang lain, hanya akan membawa kepada krisis yang boleh menimbulkan permusuhan, kekacauan dan ada kalanya membawa kepada pertumpahan darah.

Lihatlah apa yang berlaku di sekeliling kita. Kadangkala kita disajikan petikan video yang tular di media sosial berkisar tentang adab dan susila. Pengaruh kebendaan dan nafsu manusia yang tidak terkawal, telah mengetepikan sifat sopan santun, pertuturan dan perbuatan mereka yang kelihatan berani menaburkan kata-kata yang buruk, jijik, umpatan dan celaan yang melampau.

Barangkali kita terlupa, bahawa apa yang dilakukan oleh generasi dewasa seperti kita merupakan contoh kepada masyarakat termasuk anak-anak muda yang bakal mengambil tempat generasi ini. Oleh itu, pameran contoh dan teladan yang baik kepada mereka seperti Rasulullah dan para sahabat. Menghayati keimanan kepada Baginda Nabi yang mulia adalah dengan berusaha menterjemahkan setiap sunnah Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pada lisan dan perbuatan.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**



Kesimpulan daripada khutbah hari ini ialah:

**Pertama:** Kita hendaklah bersyukur kepada Allah kerana dipilih menjadi umat Nabi Muhammad ﷺ.

**Kedua:** Rasulullah ﷺ akan menjadi saksi pada hari akhirat atas keimanan atau kekufuran manusia terhadap ajaran yang disampaikan baginda.

**Ketiga:** Kepatuhan kepada ajaran Allah melalui sunnah Nabi dijanjikan dengan syurga oleh Allah ﷻ. Sebaliknya perilaku melanggar hukum Allah dan menjauhi sunnah Rasul-Nya akan menjadikan kita umat yang dimurkai Allah.

**Keempat:** Umat Islam hendaklah sentiasa prihatin terhadap ajaran al-Quran dan sunnah serta mempelajarinya melalui kuliah-kuliah yang disampaikan di masjid dan surau.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ  
الَّذِي أُنزِلَ مِن قَبْلُ ءَ وَمَن يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ءَ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ  
فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan rasulnya, dan kepada kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Nabi Muhammad ﷺ) dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu dan sesiapa yang kufur engkar kepada Allah dan malaikat-malaikat-Nya, dan kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.”

﴿Surah an-Nisa’ ayat 136﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْوَحْيَيْنِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى سَيِّدِ الثَّقَلَيْنِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ طَاعَتَهُ لِسَعَادَةِ الدَّارَيْنِ، أَقُولُ مِنْ قَلْبِي الْحَنِينِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ أَجْمَعِينَ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْمَيِّتِينَ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ، وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ.







## خطبة كدوا بولن جون

2022M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آيَاتِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ -  
عَلَيْمًا حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ نِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni  
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,  
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum  
Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul  
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.*

*Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾